International Journal of the Malay World and Civilisation 9(1), 2021: 59 - 72
(https://doi.org/10.17576/jatma-2021-0901-06)

Padi dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif

Rice in Malay Proverb: Semantic Analysis inquisitive

Junaini Binti Kasdan & Julaina Nopiah

ABSTRAK

Peribahasa dihasilkan melalui ilham yang tercetus akibat pengamatan dan tafsiran masyarakat silam terhadap alam persekitaran yang memperlihatkan ciri-ciri yang bertepatan dengan sifat manusia. Alam persekitaran dan keadaan sekeliling merupakan sumber inspirasi dan dijadikan simbol dalam sesuatu peribahasa. Penggunaan peribahasa berkaitan resam padi yang lazimnya menjadi ikutan masyarakat Melayu melalui sifatnya yang menunduk, memberikan ilham kepada pengkaji untuk meneroka akal budi yang tersembunyi di sebalik penciptaan peribahasa ini. Sehubungan itu, tulisan ini bukan sahaja ingin melihat hubungan antara bahasa dan pemikiran, tetapi sebaliknya cuba mencungkil akal budi Melayu menerusi resam padi yang ditonjolkan dalam peribahasa Melayu dengan menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif. Justeru itu, data peribahasa yang berkaitan diambil daripada pangkalan data www.malaycivilization.com dan Kamus Istimewa Peribahasa Melayu (1989). Analisis rangka rujuk silang dilakukan terhadap deria rasa yang terdapat dalam kiasan Melayu berdasarkan data korpus yang wujud. Gabungan RRS dengan maklumat budaya mendalam mampu menghasilkan penghuraian makna kiasan Melayu sehingga ke akal budi penuturnya. Hasil kajian mendapati resam padi yang menunduk telah dikonsepsikan sebagai sifat rendah diri. Tingkah laku positif dan negatif ditonjolkan menerusi perbandingan padi dan lalang dalam peribahasa. Kesimpulannya, peribahasa yang dicipta oleh masyarakat Melayu dahulu bukanlah sekadar ungkapan kosong yang menarik, tetapi sebaliknya tersembunyi pelbagai ilmu dan falsafah yang tinggi seandainya kita amatinya dengan teliti.

Kata kunci: Padi; peribahasa Melayu; akal budi Melayu; semantik inkuisitif (SI)

ABSTRACT

A proverb is created through the eruption of inspiration due to perception and past understanding of society towards the natural environment that shows characteristics that coincide with human nature. In some proverb, natural world and surroundings are a source of inspiration and rendered several symbol. The use of the paddy temperament proverb provides researchers with inspiring ideas to study the sensibility that is concealed behind this proverb. This paper therefore seeks to expose not only the relationship between language and thought, but also to try to use an inquisitive semantic approach to bring out the Malay way of thinking through the paddy temperament, as highlighted in the popular Malay proverb. Therefore, the proverb-related data collected from the www.malaycivilization.com database and from Kamus Istimewa Peribahasa Melayu (1989) were analysed. As such, the study of Malay proverbs relating to senses based on corpus data is extended to Bridging Cross Reference (RRS). A combination of the application of the RRS and broad cultural knowledge will allow the various interpretations of Malay proverbs to be generated to the extent of their ingenuity. The research discovered that the paddy temperament was conceptualised by the physical character of the paddy as modest characteristics of positive and negative behaviour. The study concludes that the Malay community's proverb is not only a hollow phrase intended to attract native speakers, but it also upholds a lot of secret philosophical knowledge.

Keyword: Paddy; Malay proverb; Malay mind; inquisitive semantic (IS)

PENDAHULUAN

Bahasa digunakan oleh penuturnya untuk menyampaikan gagasan, pemikiran dan perasaannya dalam berbagai-bagai situasi dan tujuan komunikasi. Penggunaan bahasa dengan pelbagai strategi ini telah menampakkan bermacam-macam nilai sosial dan kebudayaan yang diamalkan dalam sesuatu masyarakat bahasa itu. Semua bahasa di dunia ini mempunyai berbagai-bagai strategi verbal untuk menyampaikan buah fikiran dan emosi penuturnya (Bahren Umar Siregar 2010). Oleh itu, corak dan

bentuk sesuatu bahasa itu bergantung kepada siapa yang menuturkannya dan dalam suasana mana bahasa itu digunakan (Nik Safiah Karim 1992). Hubung kait antara pemikiran dengan bahasa dijelaskan oleh Asmah Haji Omar (1986) sebagai "manusia menggunakan lambang bahasa untuk merakamkan fikiran dan pengalamannya". Menurut Mana Sikana (1988) pula, pemikiran ialah peristiwa yang tersurat dan tersirat daripada peristiwa yang hendak disampaikan. Berdasarkan pernyataan tersebut dapat disimpulkan bahawa pemikiran seseorang dapat diselami melalui penggunaan bahasanya. Hal ini selaras dengan pendapat Nor Hashimah Jalaluddin (2003) yang mengatakan bahawa melalui komunikasi, kita dapat tahu sikap dan pemikirannya. Budaya berbahasa mempunyai perkaitan yang rapat dengan penghidupan, dan manusia pula mempunyai kebolehan untuk mencerap alam semula jadi secara rasional dan memancarkan idea-idea dalam bentuk bahasa yang lain.

Budaya berbahasa mempunyai perkaitan yang rapat dengan kehidupan dan manusia pula mempunyai kebolehan untuk mencerap alam semula jadi secara rasional dan memancarkan idea-idea dalam bentuk bahasa yang lain. Salah satu sistem lambang yang digunakan oleh masyarakat penutur untuk menyampaikan pemikiran mereka ialah melalui bahasa kiasan. Bahasa kiasan adalah bahasa yang maknanya tidak seratus peratus dibawa oleh makna perkataan-perkataan yang mendirikannya, yang mana seandainya perkataan-perkataan itu ditakrifkan satu persatu mengikut makna kamusnya. Dengan itu dalam bahasa kiasan, sesuatu perkataan, frasa atau ayat mempunyai maksud yang berlainan daripada makna harfiah perkataan-perkataan yang mendirikannya (Asmah Hj. Omar 2005). Salah satu medium masyarakat Melayu menyampaikan mesej secara berkias adalah melalui peribahasa.

Peribahasa terbit daripada pemerhatian dan pengalaman hidup rakyat jelata dan para cendekiawan (Sapinah Haji Said 2013). Dalam peribahasa terkandungnya budi bahasa, falsafah, petua dan amanah, tunjuk ajar dan nilai agama serta budaya dalam sesebuah masyarakat (Tenas Affendy 2013). Pengamatan terhadap pengalaman hidup membuatkan masyarakat Melayu cenderung menilai sesuatu dan ada kalanya bersifat perbandingan. Kewujudan konsep dualisme dalam peribahasa Melayu adalah berdasarkan penilaian orang Melayu pada masa lalu terhadap sifat dan tingkah laku orang di sekeliling dan objek dan imej yang kebiasaannya bersumberkan alam. "Alam terkembang dijadikan guru", begitulah ungkapan yang digambarkan oleh Tenas Effendy (2012) bagi menunjukkan bahawa betapa eratnya hubungan orang Melayu dengan alam sekeliling. Dengan menjadikan Semantik Inkuistif sebagai pendekatan, kertas kerja ini akan mendedahkan konsep dualisme yang terdapat dalam beberapa data peribahasa Melayu yang menggunakan "padi" dan "lalang" sebagai objek pembayang. Melalui tatakaedah 'bangau oh bangau' yang digunakan, kertas kerja ini akan mencari jawapan terhadap persoalan yang timbul di sebalik konsep dualisme yang wujud dalam peribahasa Melayu dan seterusnya cuba meneroka ilmu dengan lebih jauh.

KAJIAN PERIBAHASA DALAM PELBAGAI PERSPEKTIF

Menurut Djamaris Edward (1985), peribahasa tidak begitu mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat adalah disebabkan wujudnya anggapan bahawa peribahasa adalah suatu bahasa klise yang digunakan dan dihafal oleh orang-orang tua sebagai bahan pidato dalam upacara adat. Peribahasa juga dilihat hanya dipelajari pada peringkat sekolah iaitu pada peringkat sekolah rendah dan menengah. Pada peringkat ini, para pelajar akan didedahkan dengan beberapa peribahasa berserta maksudnya. Walau bagaimanapun, tahap penghayatan pelajar-pelajar terhadap peribahasa Melayu adalah masih lemah, berdasarkan hasil dapatan kajian yang dibuat oleh Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan (2010) yang menunjukkan hampir 60 peratus pelajar (golongan remaja) gagal menguasai peribahasa dengan baik. Penelusuran ilmu mendapati banyak kajian yang berkisarkan bahasa kiasan khususnya peribahasa telah menarik minat sarjana tempatan untuk menyelidikinya. Terdapatnya beberapa jenis kajian yang dilakukan oleh pengkaji lepas. Menerusi tulisan ini, pengkaji memecahkan kajian lepas kepada tiga cabang kajian iaitu kajian yang berbentuk pengumpulan, kajian kognitif serta kajian yang menghimpunkan kognitif dan akal budi sebagai dasar kajian.

KAJIAN PENGUMPULAN

Kajian bersifat pengumpulan pernah dilakukan oleh Abdullah Hassan (1993), Nathesan, S. (1998) dan Goddard, C. (2009). Kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji ini boleh dikatakan sebagai kajian dasar kerana kesemua kajian adalah melihat makna

harfiah peribahasa semata-mata. Selain itu, ketiga-tiga kajian dalam cakupan kajian ini dihuraikan tanpa menggunakan sebarang teori dan pendekatan tertentu.

Kajian Abdullah Hassan (1993) misalnya telah memberikan penumpuan terhadap pendefinisian dan pencirian sesuatu jenis peribahasa. Dalam kajian ini, pengkaji membahagikan bahasa kiasan kepada dua iaitu peribahasa dan bukan peribahasa. Peribahasa menurut pengkaji terdiri daripada empat iaitu perumpamaan, bidalan, simpulan bahasa dan pepatah. Bahasa kiasan yang berbentuk personifikasi, metafora dan hiperbola pula dianggap bukan daripada kategori peribahasa. Pengkaji mengatakan terdapat dua perbezaan penting antara bahasa kiasan berbentuk peribahasa dan bahasa kiasan bukan peribahasa iaitu daripada segi bentuk dan makna. Kajian pengumpulan seterusnya telah dilakukan oleh Nathesan, S. pada tahun 1998. Dalam hal ini pengkaji membuat penelitian terhadap persoalan makna yang wujud dalam simpulan bahasa. Dalam kajian tersebut, pengkaji menumpukan kajiannya terhadap aspek makna yang merangkumi domain makna dan jenis-jenis makna serta pola pembentukan kata bagi simpulan bahasa.

Goddard, C. (2009) dalam artikel yang bertajuk "*Like a Crab Teaching Its Young to Walk Straight*" turut ada menulis artikel yang berkaitan peribahasa Melayu dan peribahasa Inggeris berdasarkan pendekatan NSM (*Natural Semantic Metalanguage*) yang merupakan pendekatan, yang mengkaji parafrasa sebagai kaedah yang digunakan. Bagi hemat pengkaji, kajian ini boleh dihimpunkan dalam kajian pengumpulan. Dalam kajian tersebut, pengkaji ada menyentuh tentang penggolongan peribahasa kepada beberapa jenis termasuklah simpulan bahasa, pepatah, bidalan dan perumpamaan. Dalam penulisan itu juga ada disentuh mengenai beberapa peribahasa Melayu seperti "Ikut resmi padi, makin berisi makin tunduk, jangan ikut resmi lalang, semakin tegak tiada berisi" dan peribahasa "seperti ketam mengajar anaknya berjalan lurus". Menerusi penulisan ini, pengkaji telah mengulas beberapa situasi mengikut apa yang dipraktikkan dalam peribahasa iaitu budaya merendah diri yang terdapat dalam peribahasa "cara tanaman padi". Satu temu bual secara atas talian telah dilakukan terhadap seorang jutawan muda yang ingin mencontohi Bill Gates, seorang jutawan di Amerika yang sentiasa mengamalkan budaya merendah diri. Pengkaji juga telah membuat penghuraian terhadap peribahasa yang berkonsepkan "padi" ini mengikut lima templat semantik yang digunakan untuk menghurai maksud peribahasa dalam Inggeris iaitu (a) Tradisional, (b) Keadaan berulang, (c) Nasihat Pepatah (kandungan mesej), (d) Pepatah analogi dan yang terakhir (e) iaitu berkaitan kebijaksanaan pengguna. Satu lagi peribahasa yang turut diulas dalam tulisan ini ialah peribahasa "seperti ketam mengajar anaknya berjalan lurus". Pengkaji mendapati peribahasa ini banyak diaplikasikan dalam bidang politik seperti "*di manakah letaknya maruah orang Melayu*?" dan *"ke manakah perginya budi bahasa?*" yang telah membidas pengaplikasian "bagaimana ketam mengajar anaknya berjalan lurus" dengan "mengajar rakyat berbudi bahasa" sedangkan pemimpin pula tidak mengamalkan kesantunan yang diseru itu.

KAJIAN KOGNITIF

Kajian bersifat kognitif dan pemikiran dalam peribahasa pernah dilakukan oleh beberapa sarjana yang terkemuka. Mohd Radzi Salleh (1999) dalam kajian yang bertajuk "Peribahasa dalam Masyarakat Melayu Satu Analisis Pemikiran dan Cerminan Falsafah" telah menganalisis pemikiran masyarakat Melayu pada masa dahulu yang menjana pemikiran dalam mencipta peribahasa yang unik serta mengandungi makna yang cukup mendalam. Pengkaji turut mencari dan melihat falsafah sebenar yang terkandung di sebalik peribahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa masyarakat Melayu berjaya menjana pemikiran menggunakan unsur-unsur alam sekeliling mereka untuk mencipta peribahasa dan simpulan bahasa yang mengandungi falsafah yang cukup mendalam dengan pelbagai nilai, aspirasi, kepercayaan dan juga pengetahuan yang didukungi oleh masyarakat yang menciptanya.

Kajian Charteris Black (2003) pula telah menghuraikan perbandingan pemikiran, simbol dan rujukan dalam dua bahasa yang berkaitan iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan menggunakan kognitif semantik. Kajian yang dilakukan pengkaji ini menunjukkan bagaimana ekspresi figuratif dalam medium bahasa Melayu dan bahasa Inggeris boleh disampaikan secara sistematik. Terdapat dua cara menggunakan perkataan dan frasa yang diperkatakan oleh pengkaji, iaitu secara literal dan secara figuratif (kiasan). Dalam bahasa figuratif, pengkaji mengatakan tentang kewujudan hubungan antara makna dalam unit bahasa yang tidak dapat dirujuk hanya dengan melihat kepada sintaksis, tatabahasa, dan perbendaharaan kata sahaja. Metafora konseptual telah muncul sebagai

teori yang membina hubung kait antara metafora dengan kosepsi asas berdasarkan perjalanan.

Metafora konseptual dianggap sebagai satu kenyataan formal yang mana terdapatnya pemikiran yang tersirat di sebaliknya. Walau bagaimanapun, pengkaji menyatakan bahawa metafora konseptual 'terlepas pandang' adalah bahasa figuratif lazimnya berbentuk metonimi dan metaforik. Pemahaman terhadap sesuatu ekspresi figuratif dilihat sangat bergantung kepada pengetahuan budaya. Dalam kajiannya, pengkaji mencadangkan penggunaan istilah '*conceptual key*' atau 'kunci konseptual'. Kunci konseptual merupakan satu idea yang berkait dengan sumber dipindahkan ke sasaran yang bersifat kiasan. Beliau menganalisis sebanyak 18 jenis frasa figuratif yang diambil daripada 212 buku, 69 surat khabar dan 22 majalah yang berkaitan dengan kata "kaki" dalam bahasa Melayu, yang membawa makna negatif atau merujuk kepada sesuatu yang tidak baik. Sebagai contoh adalah melalui simpulan bahasa "kaki judi", "kaki pukul" dan "kaki betina". Pengkaji berpendapat bahawa kata kaki dalam bahasa Melayu membawa makna negatif kerana berhubung kait dengan pengetahuan budaya masyarakat Melayu. Bagi masyarakat Melayu, kedudukan anggota badan di atas akan memberikan makna positif, manakala anggota badan yang terletak di bawah seperti 'kaki' akan membawa maksud negatif. Walau bagaimanapun, pengkaji menegaskan bahawa dapatan kajian perkataan 'kaki' ini adalah sangat berlawanan dalam bahasa Inggeris, yang mana "foot" dalam bahasa Inggeris boleh membawa makna positif, negatif atau neutral, bergantung kepada latar dan konteks penggunaannya.

Kajian kognitif seterusnya dilakukan oleh Asmah Haji Omar (2005) melalui "Budaya dan Bahasa Kiasan". Dalam penulisan tersebut, pengkaji telah membincangkan perkaitan antara budaya dan bahasa kiasan, khususnya dengan melihat faktor-faktor yang mengaitkan budaya dengan bahasa kiasan. Selain itu, pengkaji turut membincangkan faktor mengapa manusia yang berbudaya memerlukan bahasa kiasan. Dalam kajian ini, pengkaji telah melihat kepada penciptaan bahasa kiasan yang berdasarkan budaya seperti metafora yang berasaskan hati, bukan jantung. Pengkaji mengatakan dalam persepsi zaman yang mencipta metafora itu, hati dianggap organ yang lebih penting daripada jantung. Kebetulan di seluruh Nusantara, hati diutamakan dalam bahasa kiasan dalam penggambaran perasaan, emosi dan sikap, tetapi bukanlah jantung. Begitu juga dengan "kepala" yang menjadi asas metafora negatif dalam bahasa Melayu. Ini adalah berdasarkan persepsi orang Melayu terhadap fungsi kepala itu sendiri. Dalam adab tertib Melayu, manusia dilarang menyentuh kepala orang seperti yang dilakukan dalam budaya lain, kerana perbuatan itu dianggap biadab. Dalam bahasa Melayu, timbul metafora seperti *kepala samseng, kepala penyangak, kepala penyamun* tetapi tidak menerima *kepala pejabat, kepala polis* dan sebagainya seperti yang diterima dalam bahasa Indonesia. Malah bahasa Inggeris juga menerima "kepala" sebagai yang bersifat positif yang bermaksud terhormat.

Hasil daripada penelitian tabii metafora anatomi dalam bahasa Melayu, pengkaji membuat kesimpulan bahawa bagi orang Melayu, kepala biologis manusia dihormati kerana bahagian anatomi yang berkaitan menjadi kotak dan berfungsi sebagai pelindung kepada benda yang lebih berharga dalam berfikir dan pencapaian ilmu iaitu otak. Orang Melayu tidak mempersepsi kepala sebagai tempat bertakhtanya ilmu, tetapi sebaliknya tempat yang megah sebagai pengisi ilmu adalah dada seperti kata-kata seperti *"ilmu yang ada di dalam dada"* dan *"isikanlah dada dengan ilmu"*.

KAJIAN KOGNITIF DAN AKAL BUDI

Hassan Ahmad (2003), Lim Kim Hui (2003) dan Nor Hashimah Jalaluddin (2014) dilihat telah membuat inovasi kepada kajian kognitif dengan menggabungkan konsep akal budi dalam kajiannya. Hassan Ahmad (2003) dalam tulisannya mengatakan perubahan kategori gramatikal kata "kaki" daripada kata nama kepada kata sifat bertujuan menjelaskan proses kognitif dalam minda Melayu. Sebenarnya, konsep "kuat" daripada fisiologi "kaki" itu dipindahkan kepada sifat seperti "kuat berjudi" dan "kuat mabuk". Daripada segi nahu, "kaki" itu berubah menjadi predikat seperti ungkapan 'dia itu kaki…". Dalam konteks ini, "kaki" mendukung konsep "kuat" seperti "kaki botol" dan "kaki bola". "kaki botol" sama maknanya dengan "dia kuat minum arak", manakala "kaki bola" sama maknanya dengan "dia suka menonton bola". Makna "kuat" adalah bersifat harfiah, iaitu kuat daripada segi tenaga manusia. Jadi makna "kaki" diperluaskan bagi makna "kekuatan" yang dilihat berdasarkan pengalaman bahawa kaki manusia digunakan sebagai alat kekuatan, contohnya untuk menendang (Nor Hashimah Jalaluddin 2014).

Lim Kim Hui (2003) dalam kajiannya yang bertajuk "*Budi as the Malay Mind: A Philosophical*

Study of Malay Ways of Reasoning and Emotion in" dilihat berjaya menghuraikan akal budi Melayu daripada sudut penghujahan iaitu memberikan penjelasan bagaimana peribahasa itu berperanan sebagai retorik dalam penghujahan. Dalam kajian ini, pengkaji telah menyasarkan objektifnya untuk mengenal pasti, menganalisis dan cuba memahami pemikiran Melayu terutamanya terhadap kelogikan dalam penciptaan peribahasa. Menerusi kajian yang dilakukan, pengkaji berjaya membuktikan bahawa "logik sosial" seperti yang dideskripsikan oleh Goodwin & Wenzel (1979 & 1981) turut terdapat dalam peribahasa. Walau bagaimanapun, pengkaji telah menolak pendekatan dialektikal yang biasanya diamalkan oleh tradisi barat. Pengkaji mempercayai bahawa kaedah penghujahan masyarakat Melayu adalah lebih bersifat monolektikal (non-dialektikal). Melalui penelitiannya, pengkaji mengaitkan kebijaksanaan dan kearifan masyarakat Melayu menerusi pemilihan objek dalam peribahasa.

Dalam tulisan Nor Hashimah Jalaluddin (2014), pengkaji telah mengupas perkembangan semantik yang dibahagikan kepada tiga iaitu peringkat skrip, resonans dan semantik inkuisitif. Kegagalan Charteris Black memberi sebab kepada persoalan kenapa 'kaki' yang dipilih bukan 'tangan' bagi menggambarkan kognitif Melayu menunjukkan bahawa semantik resonans juga gagal mencapai tafsiran makna tahap tertinggi sehingga membawa tafsiran akal budi Melayu. Ekoran daripada kelompangan ini, di sinilah perlunya semantik inkuisitif bagi menjawab kepada persoalan yang timbul.

OBJEKTIF KAJIAN

Sesuatu kajian semestinya akan lebih teratur jika batas dan objektif kajian dijadikan sebagai garis panduan kajian (Mohd. Shaffie Abu Bakar 1991). Dalam kajian ini, pengkaji menggariskan tiga objektif utama iaitu:

1. Mengenal pasti resam "*padi*" yang tersirat dalam peribahasa Melayu.
2. Menganalisis hubungan imej dan objek dalam peribahasa '*padi*' berasaskan pendekatan Semantik Inkuisitif.
3. Menghuraikan akal budi Melayu yang didasari oleh ilmu semantik inkuisitif.

PENGUMPULAN DAN PENGANALISISAN DATA

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang bersifat kualitatif dan melibatkan data sekunder iaitu peribahasa Melayu yang diambil daripada pangkalan data malaycivilization.ukm.com dan Kamus Istimewa Peribahasa Melayu. Kajian ini menggunakan pendekatan semantik inskuisitif. Inkuisitif merupakan semangat ingin tahu serta dorongan untuk terus meneroka dan mencari jawapan kepada apa sebenar yang dimaksudkan oleh sesuatu ungkapan. Semantik inkuisitif mengambil kira data autentik, semantik dan konteks, kognitif penutur, budaya dan akhirnya dikaitkan dengan akal budi penuturnya (Nor Hashimah Jalaluddin 2014). Untuk menghurai makna peribahasa yang dipilih dengan lebih lanjut, data korpus yang menunjukkan penggunaan peribahasa dan konsep tertentu akan dianalisis dengan menggunakan RRS. Gabungan RRS dengan maklumat budaya mendalam mampu menghasilkan penghuraian makna kiasan Melayu. Berikut merupakan tahap-tahap yang terlibat dalam proses penganalisisan data menggunakan pendekatan semantik inkuisitif.



RAJAH 1. Tahap Yang Terlibat dalam Penganalisisan Data Menggunakan Pendekatan Semantik Inkuisitif.

ANALISIS PERIBAHASA PADI

Setelah mengenal pasti dan membuat pembersihan data, peribahasa yang berunsurkan padi yang dipilih dikelompokkan mengikut domain berdasarkan subjek makna harfiah peribahasa tersebut. Dalam bahagian ini, perbincangan akan memberikan tumpuan terhadap pemberian domain peribahasa yang menggunakan objek *padi.* Jadual berikut merupakan senarai peribahasa berserta domain yang telah dipilih untuk dianalisis bagi menjawab objektif kajian ini. Berdasarkan penelitian yang dibuat terhadap subjek peribahasa yang bersumberkan leksikal padi, pengkaji mendapati resam *padi* yang diikuti oleh masyarakat menerusi peribahasa Melayu mendominasi SIFAT sebagai subjek maknanya.

JADUAL 1. Peribahasa *Padi* dalam Domain SIFAT


Peribahasa	Makna	Subjek	Domain	Sumber
Baik membawa resmi padi, daripada membawa resmi lalang.	Tidak sombong, merendah diri.	Rendah diri	Sifat	Kamus Istimewa Peribahasa Melayu (1989)
Bawa resmi padi, semakin berisi, semakin tunduk.	Makin berilmu atau tinggi pangkat, makin merendahkan diri.	Rendah diri	Sifat	www.malaycivilization.com

Jadual 1 menunjukkan paparan data yang mengklasifikasikan peribahasa yang bersumberkan padi dalam domain sifat. Pembahagian kepada domain tersebut adalah berdasarkan subjek makna secara harfiah yang diberikan bagi peribahasa yang dipilih. Bagi analisis yang bersumberkan *padi*, pengkaji telah memilih dua peribahasa popular yang digunakan oleh masyarakat iaitu '*Baik membawa resmi padi, daripada membawa resmi lalang*' dan '*Bawa resmi padi, semakin berisi, semakin tunduk*' yang masing-masingnya dikategorikan dalam pengertian domain sifat.


PERIBAHASA *PADI* DOMAIN SIFAT

Berdasarkan Jadual 1, peribahasa '*Baik membawa resmi padi, daripada membawa resmi lalang*' membawa maksud 'Tidak sombong, merendah diri' (Abdullah Hussain 1989). Jika diteliti kepada peribahasa ini, terdapatnya unsur perbandingan yang ditonjolkan melalui penggunaan dua objek sebagai perlambangan iaitu tanaman *padi* dan tumbuhan *lalang*. Padanan penggunaan objek leksikal yang digunakan dalam peribahasa adalah bersesuaian dengan ungkapannya. Makna peribahasa ini adalah dizahirkan daripada maklumat latar belakang kedua-dua jenis tumbuhan yang diperincikan melalui kegunaan dan peranannya dalam kehidupan masyarakat Melayu pada masa dahulu. Keadaan ini telah menunjukkan bahawa penciptaan peribahasa tersebut adalah didorong oleh persamaan situasi yang melatarinya. Jika diperhatikan ungkapan peribahasa tersebut, resam tanaman *padi* itu telah dibandingkan dengan resam tumbuhan *lalang*. Resam didefinisikan sebagai pembawaan, kebiasaan, sifat, tabiat dan fikiran (Kamus Dewan Edisi Keempat 2005). Resam yang dimaksudkan dalam konteks kajian ini adalah merujuk kepada 'resmi' *padi* yang menjadi rujukan makna bagi peribahasa yang bersumberkan *padi*.

Berdasarkan konteks ayat peribahasa '*Baik membawa resmi padi, daripada membawa resmi lalang*', jelas menunjukkan fokus utama yang mendasari makna keseluruhan peribahasa ini adalah 'resmi' kedua-dua tumbuhan ini iaitu *padi* dan *lalang*. Merujuk Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), perkataan 'resmi' telah didefinisikan sebagai resam, sifat semula jadi, sifat khas yang merujuk kepada benda, adat, perangai dan tabiat atau kelakuan serta pembawaan sendiri. Dalam peribahasa ini, jelas menunjukkan pertentangan maklumat antara kedua-dua objek tumbuhan yang digunakan. Mengikut konteks hubungan objek dengan makna dalam peribahasa ini, *padi* telah dicirikan dengan sifat rendah diri berbanding *lalang* yang membawa pengertian yang bertentangan. Jika diteliti berdasarkan penggunaan leksikal dalam ayat pula, ayat dalam peribahasa ini dilihat mengandungi unsur nasihat dan unsur larangan. Perkataan *'baik'* itu sendiri mencerminkan kata sifat yang berbentuk positif, seolah-olah digunakan untuk ajakan kepada sesuatu yang berfaedah, manakala kata sendi nama *'daripada'* pula digunakan bagi menunjukkan maksud larangan atau mencegah (Kamus Dewan Edisi Keempat 2005). Apa yang kelihatan daripada ungkapan peribahasa ini, adalah pemberian dua fitur yang berlawanan iaitu fitur positif kepada *padi*, manakala sebaliknya meletakkan fitur negatif kepada tumbuhan *lalang*. Persoalannya, mengapa orang Melayu memberikan fitur negatif kepada lalang dan bukannya padi, walaupun pada hakikatnya kedua-dua tumbuhan ini mempunyai persamaan daripada segi bentuk fizikalnya.



RAJAH 2. Gambaran Hubungan Objek dan Makna dalam Peribahasa '*Baik membawa resmi padi, daripada membawa resmi lalang*



RAJAH 3. Gambaran Hubungan Objek dan Makna dalam Peribahasa '*bawa resmi padi, semakin berisi, semakin tunduk'*

Merujuk Rajah 2 dan 3, kedua-dua peribahasa ini mencirikan konsep yang sama iaitu mengetengahkan resam 'padi' sebagai domain pemaknaan. Ungkapan 'baik membawa resmi padi' yang terdapat dalam peribahasa '*Baik membawa resmi padi, daripada membawa resmi lalang'* merujuk kepada resam padi yang menunduk seperti yang digambarkan dalam peribahasa '*bawa resmi padi, semakin berisi, semakin tunduk'*. Daripada sudut makna, peribahasa ini membawa takrifan 'Makin berilmu atau tinggi pangkat, semakin merendahkan diri'. Seandainya diteliti keseluruhan ungkapan ini, penciptaannya adalah berkaitan dengan pengamatan oleh penciptanya. Bagi hemat pengkaji, hanya masyarakat yang dilatari oleh 'padi' sahaja yang tahu bagaimana sifat pertumbuhan tumbuhan ini. Bagi seseorang yang pernah melihat sifat pertumbuhan padi pasti akan tahu bagaimana fisiologi padi ini boleh menunduk. Pemerhatian yang dibuat oleh pencipta ungkapan ini adalah melalui pengamatan sifat tumbuhan ini yang merunduk apabila ia sedang masak. Peribahasa ini juga mendominasi SIFAT sebagai subjek pemaknaan bagi definisi secara literal. Peribahasa ini turut memfokuskan resam *padi* sebagai mesej yang mengandungi unsur didaktik. Berikut merupakan contoh penggunaan peribahasa yang menekankan resam *padi* serta huraian proses kognitif yang berlaku dalam minda penutur Melayu. Bagi menghurai makna peribahasa ini dengan lebih lanjut, analisis berikut akan dilakukan dengan menggunakan RRS.

(i) Maka, penulis teringat pesanan arwah bapa mentua ketika seminggu sebelum menghembuskan nafasnya yang terakhir. Katanya: "Abah tak ada apa-apa nak tinggalkan pada anak, Cuma abah harap, jadilah seperti **resmi padi semakin tunduk semakin berisi** dalam apa pun kerja, kalau berjaya. Jangan angkuh dan lupa diri. Ingat pada Allah

(*`Perang mulut' bukan cara bijak selesaikan masalah.* Azam Rauzan 2003)

Berdasarkan ayat (i), maklumat tambahan pertama yang boleh digunakan untuk memproses dan memahami ungkapan *Baik membawa resmi padi, semakin berisi, semakin tunduk* ialah dengan adanya frasa *kalau berjaya*. Hal ini kerana, ungkapan dalam ayat tersebut tidak mempunyai anteseden sedangkan peribahasa *Baik membawa resmi padi, semakin berisi, semakin tunduk* ialah ungkapan yang mempunyai makna yang tersirat. Oleh itu, dengan adanya konteks, frasa *kalau berjaya* menjadi maklumat tambahan yang membolehkan seseorang memahami peribahasa yang berbentuk nasihat ini. Proses Rangka Rujuk Silang (RRS) berlaku serentak semasa pendengar cuba menginterpretasikan makna peribahasa ini. Melalui RRS, pendengar boleh mengesan ciri peribahasa *Baik membawa resmi padi, semakin berisi, semakin tunduk* kerana RRS membenarkan pendengar merujuk konteks sebelum atau selepas ujaran mahupun konteks keseluruhan teks. Proses rujukan konteks ini banyak membantu pendengar untuk memperkukuh makna yang diinferensikan dalam ayat (i). Dalam situasi ayat di atas, pesanan berbentuk hasrat yang telah ditujukan oleh seorang bapa mentua kepada menantunya. Perkataan 'berjaya' merupakan perkataan yang terkandung dalam kategori kata sifat yang mendukung maksud beroleh kemenangan, mencapai kemajuan dan berhasil (Kamus Dewan Edisi Keempat 2005). Perkataan ini telah didahului oleh kata tugas '*kalau*'. Jika dilihat dalam konteks ayat ini, penggunaan kata tersebut menunjukkan kepada sesuatu yang belum berlaku. Hal ini adalah jelas berdasarkan penggunaan frasa 'abah harap' yang menunjukkan hasrat atau kehendak untuk mendapatkan sesuatu daripada menantunya. Dalam ujaran tersebut, leksikal berjaya itu sendiri telah dihubungkan dengan tiga lagi kata sifat yang berperanan sebagai maklumat tambahan kepada peribahasa yang digunakan.

Pemetaan rujuk silang dalam ayat (i) dapat menjelaskan secara langsung terhadap mesej yang hendak disampaikan. Frasa-frasa yang wujud dalam ayat ini berhubungan secara langsung dengan peribahasa *Baik membawa resmi padi, semakin berisi, semakin tunduk,* walaupun kandungan peribahasanya mempunyai ketersiratan makna. Frasa *jangan angkuh*, *lupa diri* merupakan maklumat tambahan secara tersurat mendukung kepada nasihat yang diberikan iaitu pesanan seandainya berjaya kelak. Mengikut Saidina Ali Abi Talib, terdapatnya empat penyakit dalam diri individu yang semestinya dibasmi kerana jika dibiarkan, penyakit itu akan membarah dan membudaya kukuh sehingga menenggelamkan perwatakan individu sebagai seorang mukmin sebenar. Penyakit itu sesungguhnya akan menimpa umat ini daripada penyakit umat terdahulu iaitu penyakit sombong, kufur nikmat, mensia-siakan masa dan lupa diri dalam memperoleh harta dan bermegah-megah dengan harta. Mereka terjerumus ke dalam jurang kemenangan dunia, saling bermusuhan, dengki-mendengki dan dendam sehingga melakukan kezaliman" (Mohd Rizal Azman Rifin 2011). Begitu juga yang terkandung dalam firman Allah yang bermaksud:

"Dan jangan engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan jangan engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong. Sesungguhnya Allah tidak suka orang yang sombong takbur lagi membanggakan diri."

(Surah Luqman:18)

Frasa-frasa yang berbentuk nasihat yang terdapat dalam ayat (i) merupakan mesej-mesej yang berkaitan dengan maksud tersirat di sebalik peribahasa *Baik membawa resmi padi, semakin berisi, semakin tunduk,* yang mengandungi ketersiratan makna bahawa seharusnya kita mengamalkan budaya merendah diri walaupun mempunyai ketinggian dalam ilmu dan pangkat.

(ii) "…Walaupun demikian Azmeer tetap seperti dahulu, selalu sedia menolong terutamanya golongan yang miskin. Kepopularannya tidak menjadikan dia sombong, dia lebih mengikut pepatah seperti **rasmi padi, kian berisi. kian runduk".** Sifat sedia menolong ini juga telah mendorongnya memegang jawatan Presiden Kelab Lion Bandaraya Kuala Lumpur.

(MALAYAN BANKING - DBP. *MENARA 3.* Sastera 1990)

Secara umumnya, leksikal yang membentuk frasa dalam ayat (ii) yang dirujuk merupakan anteseden kepada peribahasa *Baik membawa resmi padi, semakin berisi, semakin tunduk*. Jadi, berdasarkan latar belakang andaian pendengar, ungkapan yang bersifat anteseden seperti *Azmeer tetap seperti dahulu*, *selalu sedia menolong, Kepopularannya tidak menjadikan dia sombong* dan *sifat sedia menolong* berperanan sebagai premis tambahan yang boleh membentuk konteks dan kesan kognitif pendengar untuk memahami makna yang hendak disampaikan dalam peribahasa. Berdasarkan konteks ayat (ii), ungkapan *Azmeer tetap seperti dahulu*, *selalu sedia menolong* merupakan ujaran terdahulu yang membantu pendengar menginterpretasi makna peribahasa dalam ujaran tersebut. Melalui konteks ayat ini, ujaran yang diberikan membawa maksud Azmeer yang tidak berubah dan masih mengamalkan sikap suka menolong orang. Penginterpretasian makna ini dibantu dengan kewujudan premis tambahan seterusnya melalui ungkapan '*Kepopularannya tidak menjadikan dia sombong'*. Secara mudahnya, ujaran ini merujuk kepada sifat Azmeer yang tidak sombong walaupun dia sudah popular.

Kewujudan ujaran berikutnya iaitu 'sifat sedia menolong' juga telah membantu memudahkan pemprosesan maksud peribahasa tersebut. Premis-premis tambahan yang wujud dalam konteks ayat ini adalah merujuk kepada sifat merendah diri Azmeer yang ditunjukkan dalam ujaran terdahulu '*Azmeer tetap seperti dahulu*, *selalu sedia menolong'* serta dikukuhkan pula dengan leksikal 'kepopularannya' dalam ujaran berikutnya mampu mengaitkan makna literal dalam peribahasa yang digunakan. Sifat Azmeer yang tidak pernah berubah iaitu suka menolong orang walaupun sudah berjaya (melalui leksikal kepopularannya) menjadi padanan jalinan hubungan makna dalam ayat dengan makna literal peribahasa penjalin hubungan makna dalam makna hakiki peribahasa *Baik membawa resmi padi, semakin berisi, semakin tunduk.* Ungkapan daripada ujaran terdahulu membantu dalam pengukuhan maklumat pendengar. Pengukuhan maklumat ini telah membina kesan kognitif yang tinggi. Ini dijelaskan oleh Sperber dan Wilson (1995) bahawa apabila salah satu proses yang terlibat (penggabungan, pengguguran atau penguatan) dalam pembentukan kesan kognitif dimanfaatkan, maka kos memproses sesuatu ujaran dapat dijimatkan kerana pendengar akan berhenti memproses sesuatu ujaran apabila maksud yang hendak disampaikan dapat diinterpretasikan seperti yang dihajati. Dengan rujukan yang sesuai, pendengar berjaya mengaitkan makna yang tersurat peribahasa yang digunakan iaitu 'makin berilmu atau tinggi pangkat, makin merendahkan diri'.

Berdasarkan penelitian terhadap makna dan struktur ayat dalam peribahasa '*Baik membawa resmi padi, daripada membawa resmi lalang'*, terdapatnya konsep dualisme yang ditonjolkan melalui pemberian ciri bagi 'padi' dan 'lalang'. Dualisme didefinisikan sebagai faham yang berasaskan dua prinsip yang saling bertentangan seperti antara kebaikan dan kejahatan dan antara terang dan gelap serta keadaan apabila wujud dua sifat yang ketara saling bertentangan pada diri seseorang (Kamus Dewan Edisi Keempat 2005). Berbalik kepada pencirian konsep yang berlawanan (dualisme) dalam peribahasa *padi* dan *lalang* yang ditunjukkan dalam jadual 1.0, pemberian dua ciri ini juga adalah melalui tabiat pertumbuhan kedua-dua tumbuhan ini. Seandainya diteliti pada bentuk fizikal padi dan lalang, kedua-duanya mempunyai rupa yang hampir sama iaitu mempunyai daun yang panjang-panjang dan tirus. Walaupun nampak sama, namun secara realitinya, kedua-dua tumbuhan ini mempunyai perbezaan berdasarkan fisiologi semula jadi pertumbuhannya. Ciri persamaan yang terdapat terhadap ciri-ciri fizikal tumbuhan inilah yang menjadi sebab mengapa orang Melayu dulu menjadikan kedua-dua tumbuhan ini sebagai objek

pembayang untuk tujuan perbandingan.

Jika kita amati struktur fizikal kedua-dua tumbuhan ini, walaupun secara kasarnya kelihatan hampir sama, namun sifat kedua-dua tumbuhan ini amatlah berbeza. Berdasarkan fisiologi pertumbuhan, sewaktu padi berbuah, tangkainya akan mula menunduk dan semakin berisi buahnya, maka akan semakin ke bawah tunduknya. Sifat ini adalah berbeza dengan lalang, yang mana apabila berbunga, semakin menjulang ke langit walaupun realiti dalam kehidupan ianya tidak dipedulikan orang (Dahlia Janan & Sri Lanang Jaya 2013). Sifat pertumbuhan kedua-dua tumbuhan yang berbeza antara satu sama lain, menyebabkan orang Melayu pada masa lalu mengaitkan sifat yang negatif kepada lalang berbanding tumbuhan padi yang dilihat lebih bersifat rendah diri berdasarkan struktur fizikal pertumbuhannya. Berikut merupakan contoh penggunaan 'lalang' serta huraian proses kognitif yang berlaku dalam minda penutur Melayu

(iii) "...Kebanyakkan pelabur Malaysia seperti **lalang** yang mengikut tiupan angin iaitu menjual apabila pelabur-pelabur lain turut jual saham mereka di BSKL..."

(Penarikan penjual singkat jejas BSKL. Nasional 1998)

mengikut analisis RRS.

Selain memanfaatkan konteks, kesan kognitif dan usaha memproses maklumat, RRS juga diaplikasikan oleh pendengar. Ayat (iii) di atas menunjukkan pengambilan sifat 'lalang' yang diterapkan untuk makna keseluruhan ujaran oleh pengarang. Dalam RRS ungkapan *yang mengikut tiupan angin* dan *menjual apabila pelabur-pelabur lain turut jual saham mereka* menjadi premis tambahan yang dapat menjadi sebahagian daripada konteks. Mengikut konteks ayat di atas, ungkapan *menjual apabila pelabur-pelabur lain turut jual saham mereka* mempunyai maksud tersirat tidak tetap pendirian dan berkonotasi dengan sifat *lalang* sewaktu ditiup angin. Ini adalah maklumat tambahan yang juga merupakan anteseden kepada *lalang* dan membantu penginterpretasian makna yang dicari. *Lalang* atau dikenali juga sebagai *Imperata cylindrical* (Laurance, W.F. & Bierregaard, R.O. 1997) merupakan sejenis tumbuhan yang tidak asing lagi di Asia. Pokok ini kebiasaannya tumbuh dalam hutan dan terdapat di negara-negara yang beriklim tropika. Berlawanan padi, *lalang* merupakan sejenis tumbuhan liar yang tidak begitu digemari oleh manusia. Walaupun lalang tumbuh di merata tempat, namun kehadirannya tidak dihiraukan kerana dianggap tidak berkepentingan dalam kehidupan. Disebabkan faktor ini, *lalang* sering dianalogikan bagi sifat negatif. *Lalan*g dalam perumpamaan Melayu menjurus kepada insan yang tidak tetap pendirian dan sombong. Berdasarkan ayat (iii), sifat *lalang* yang melentok ke sana ke sini, apabila ditiup angin menyebabkan ia dianalogikan bagi sifat yang tidak tetap pendirian. Begitu juga dengan kejadian bunga lalang menjulang ke langit yang dianalogikan sebagai sifat sombong dan angkuh. Dalam ilmu, lalang dianalogikan sebagai orang yang masih mencari dan kurang ilmunya. Semakin hari semakin meninggi lalang itu, walaupun ternyata ianya kosong dan tidak berisi. Begitulah diibaratkan kepada orang yang ego dan sombong, walaupun masih kurang ilmunya, namun mengangkati diri mereka sebagai orang yang mempunyai ketinggian dalam ilmu. Berikut merupakan contoh penggunaan kata "lalang" yang merujuk kepada sifat meninggi diri.

(iv) "Selama ini lalang dikenali sebagai tumbuhan perosak. Tidak berfaedah. Kita kalau sudah senang janganlah riak. Bercakap tentang lalang, saya teringat perumpamaan emak selalu menggunakan. Katanya, jangan jadi seperti **lalang** yang sentiasa mendongak. Tetapi jadilah seperti padi, semakin berisi semakin tunduk ..."

(ZAHARAH NAWAWI; DIL FROZ JAN. *Sehelai Daun Yang Gugur*. Sastera, 2013)

Berdasarkan ayat (iv), *seperti lalang yang sentiasa mendongak* tidak mempunyai anteseden yang nyata untuk merujuk makna sebenar ungkapan yang berbentuk nasihat ini. Namun begitu, dengan mengaplikasikan rangka rujuk silang, ungkapan tersebut dapat difahami dengan meneliti konteks ayat tersebut melalui maklumat tambahan yang dirujuk. Berdasarkan ayat tersebut, ungkapan ini adalah berbentuk nasihat dan merujuk kepada peribahasa '*Baik membawa resmi padi, daripada membawa resmi lalang*'. Ungkapan yang mengandungi makna tersirat ini dapat difahami dengan merujuk silang maklumat tambahan yang berada pada ayat sebelumnya, iaitu *kalau sudah senang, janganlah riak.* Jika diperhatikan, rujukan yang memberikan maklumat tambahan tersebut berlatarkan nasihat kepada individu supaya tidak riak walaupun sudah senang. Perkataan senang dalam konteks ayat di atas adalah merujuk kepada kehidupan yang mewah (Kamus Dewan Edisi Keempat 2005). Dalam kehidupan ini, umumnya masyarakat mempunyai persepsi bahawa seorang yang senang adalah seorang yang mempunyai harta dan hidup dalam keadaan mewah. Perkataan *riak* yang digunakan dalam ayat (iii) pula merujuk kepada kata adjektif yang bersinonim dengan sifat angkuh, bongkak, congkak, pongah, sombong, bangga, takbur, tinggi diri dan besar diri. Daripada segi istilahnya, riak membawa pengertian "melakukan sesuatu bukan kerana Allah". Riak merupakan satu sifat yang berbahaya dan kronik sehinggakan mendatangkan kebimbangan kepada Rasulullah SAW. Rasulullah SAW dalam sabdanya bermaksud:

"Sesungguhnya yang paling aku takut menimpa kalian adalah asy syirkul ashghar (syirik kecil)" Para sahabat telah bertanya "Wahai Rasulullah, apakah syirik kecil itu?" Baginda menjawab "Riak"[1]

(Hadis Riwayat Imam Ahmad)

Maksud yang tersirat di sebalik sifat ini adalah untuk mencari sebarang penghargaan di hati manusia sehinggakan mendapat pangkat, kedudukan dan kebebasan. Ramai manusia yang menjadi bebas kerana penyakit riak ini. Seandainya kita memikirkan perbuatan yang kita lakukan, sudah tentu kebanyakan ilmu yang dituntut bukanlah sekadar untuk menunjuk-nunjuk serta menjerumuskan diri ke arah sifat riak. Riak dalam jiwa juga mempamerkan pengertian sifat "conggok" yang mempunyai pengertian *tegak* dalam bahasa (Kamus Dewan Edisi Keempat 2005). Oleh hal yang demikian, *lalang* dalam peribahasa ini telah diabstraksikan dan dikonsespsikan sebagai 'orang yang *riak*'. Hal ini adalah disebabkan oleh persamaan bagi objek dan makna yang terdapat dalam ayat ini. Kedua-duanya mempunyai persamaan iaitu melalui konsep 'tegak' yang dipamerkan. Sifat *lalang* yang mendongak (tegak) telah dianalogikan bagi sifat *riak* yang secara tersiratnya turut mengandungi konsep 'tegak' dalam pencirian maknanya.

AKAL BUDI DAN FALSAFAH PERIBAHASA *PADI BAGI DOMAIN SIFAT*

Keindahan peribahasa Melayu memang tidak dapat disangkalkan. Berdasarkan penelitian terhadap peribahasa tersebut dengan menggunakan maknanya, jelas menunjukkan peribahasa yang berunsurkan didaktik ini memilih sifat 'padi' sebagai perlambangannya. Ketersiratan makna dalam peribahasa ini mempunyai falsafah yang melambangkan ketinggian akal budi Melayu dalam mencipta peradaban. Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid dalam syarahan yang disampaikan oleh beliau di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 4 Disember 2009 menerusi tajuk "Pantun dan Kebijaksanaan Akal Budi Melayu" menyatakan bahawa orang Melayu mempunyai kebijaksanaan dalam memanipulasikan setiap kata dan gaya hidup mereka dan masyarakat Melayu pula merupakan masyarakat yang mempunyai daya fikir yang amat tinggi (Rozali Rajab 2012). Keindahan peribahasa yang dicipta turut memperlihatkan cerminan peribadi orang Melayu pada masa dulu yang memperingatkan sesama sendiri agar bersifat rendah diri dan tidak sombong seperti yang tergambar dalam peribahasa *Bawa resmi padi, semakin berisi, semakin tunduk* dan *Baik bawa resmi padi jangan membawa resmi lalang*.

Pengambilan resmi *padi* sebagai objek perlambangan dalam peribahasa dipengaruhi oleh faktor padi yang menjadi sumber utama pembekal karbohidrat kepada masyarakat Melayu. Hampir setiap masakan Melayu dihidang bersama dengan nasi, yang mana ianya merupakan makanan ruji kepada orang Melayu dan juga kebanyakan etnik lain di Asia. '*Sebutir nasi ibarat setitik peluh petani*' merupakan serangkai kata yang pernah popular dan kedengaran di iklan televisyen pada suatu ketika. Iklan ini sebenarnya bagus untuk tontonan umum, kerana mengandungi mesej yang berunsur pengajaran iaitu jangan membazir. Begitu juga halnya dengan kata-kata orang tua dahulu yang berbunyi *'jangan buang nasi, nanti nasi yang*

terbuang itu menangis'. Sebenarnya kata-kata ini adalah merupakan satu nasihat agar kita tidak membazir. Kedua-dua mesej yang disampaikan menggunakan objek pembayang padi dan nasi ini menunjukkan kepada nasihat supaya menghindari pembaziran.

Penanaman padi (*Oryza sativa*) begitu giat dijalankan di Malaysia sejak berkurun lamanya. Pada masa dulu, para petani bercucuk tanam secara tradisional tanpa menggunakan bantuan jentera dan mesin. Menyelusuri proses penanaman padi, cara penanaman padi dijalankan dengan empat atau lima jalur yang dipanggil 'tekap'. Kerja-kerja menanam padi ini dijalankan dengan menggunakan tangan atau kuku kambing. Secara lazimnya, apabila semua padi telah masak, musim ini dinamakan musim menuai. Dalam masyarakat petani tradisional, musim ini juga dikenali sebagai musim mengerat atau musim mengiau (Mashhor Mansor & Mohd Kipli 2014). Pertumbuhan tanaman padi terdiri daripada tiga fasa iaitu fasa vegetatif, fasa reproduktif, dan tempoh pemasakan. Tempoh masa fasa vegetatif adalah berlangsung sekitar 60-70 hari yang terdiri daripada fasa benih bercambah (kurang daripada 21 hari) dan fasa pertunasan yang boleh mencapai masa yang maksimum. Tempoh fasa reproduksi pula berlangsung selama 36 hari iaitu terdiri daripada fasa primordial (60-70 hari setelah tabur benih), fasa pemanjangan ruas dan bunting (kurang lebih 75 hari sesudah tabur benih) dan fasa pemasakan pula berlangsung 25-35 hari. Kebiasaannya musim menuai berlangsung dalam musim kemarau. Jika diteliti terhadap anatomi pertumbuhan padi, terdapatnya sebab mengapa padi ini menunduk. Proses penuaian dilakukan pada saat keadaan tanaman siap dituai mengikut umur tanaman dan ciri-ciri tumbuhan seperti malai padi menunduk kerana menyokong buah padi yang bernas. Buah padi yang masak ini akan memberat dan menyebabkan pokok padi membengkok seolah-olah menunduk (Fransiska Yanti, Kacung Hariyono & Irwan Sadiman 2014). Melalui pemerhatian yang dibuat terhadap proses fisiologi tumbuhan padi ini, yang membawa kepada penciptaan peribahasa *Bawa resmi padi, semakin berisi, semakin tunduk* dan *Baik bawa resmi padi jangan membawa resmi lalang*. Berikutan sifat 'rendah' yang ditunjukkan oleh padi inilah yang menyebabkan masyarakat Melayu pada masa dulu menjadikan resam tumbuhan ini sebagai ikutan yang menjurus kepada 'sifat merendah diri'.

Berdasarkan penelitian, keadaan tersebut boleh dikaitkan dengan kehidupan yang merujuk kepada sifat manusia. Sifat padi yang menunduk ke bumi dinilaikan oleh orang Melayu pada masa lalu dengan kerendahan diri dan tidak sombong. Semakin banyak padi itu, semakin menunduk padi itu ke bumi. Begitu jugalah dengan kehidupan kita, seseorang yang boleh memberi manfaat kepada orang lain tidak menggunakan kesempatan yang ada untuk kepentingan dirinya, berlagak, sombong dan meninggi diri. Penilaian yang diberikan adalah berlawanan dengan lalang yang dilihat mendongak ke langit, namun hakikatnya bersifat kosong. Seandainya kita mempunyai harta, pangkat mahupun ilmu yang tinggi, kita seharusnya menerapkan sifat merendah diri dan tidak sombong sesama sendiri.

Jika dilihat daripada konteks budaya penutur, masyarakat Melayu rata-ratanya beragama Islam. Berbalik kepada fitrah kejadian manusia, segala yang dikecapi di dunia ini adalah milik pencipta iaitu Allah SWT. Walaupun kita seharusnya mengikut sifat padi iaitu menunduk, namun "tunduk" yang dimaksudkan bukanlah merujuk kepada kezaliman dan kebatilan, tetapi tunduk kepada keadilan dan kebenaran. Apabila kita sebagai manusia menerapkan sifat merendah diri dalam hati, maka dengan itu akan hilanglah sifat "takabbur". Setiap keluarga atau komuniti masyarakat menginginkan kehidupan sejahtera yang harmoni sejahtera. Namun seandainya masyarakat itu sendiri memiliki sifat sombong dan bongkak, sudah semestinya kehidupan yang diharapkan itu tidak akan tercapai. Oleh itu setiap anggota masyarakat seharusnya perlu mempunyai sifat mahmudah yang ditunjukkan oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW dan antara sifat yang terpuji itu ialah "tawaduk". Daripada segi bahasa ia didefinisikan sebagai rendah diri, merendah diri dan tidak angkuh (Kamus Pelajar Edisi Kedua 2008). Dalam al-Quran sendiri, terdapatnya dalil-dalil yang berkisarkan sifat tawaduk seperti yang terdapat dalam surah al-Furqan ayat 63.

Firman Allah SWT, yang maksudnya,

"Dan hamba-hamba (Allah) Ar-Rahman (yang diredhaiNya), ialah mereka yang berjalan di bumi dengan sopan santun, dan apabila orang-orang yang berkelakuan kurang adab, hadapkan kata-kata kepada mereka, mereka menjawab dengan perkataan yang selamat dari perkara yang tidak diingini"[2]

(al-Furqan:63)

Maksud yang terdapat dalam ayat al-Quran ini ialah berjalan dengan tenang, berwibawa dan bersikap tawaduk (rendah hati), tidak jahat dan sombong. Sesungguhnya dalam al-Quran itu sendiri ada menyentuh berkaitan sifat rendah diri ini. Sebagai manusia kita seharusnya menerapkan sifat ini dalam diri. Salah satu sifat yang terpuji dalam

budaya Melayu adalah melalui sifat rendah hati. Sikap ini secara turun temurun dikekalkan dalam kehidupan sebagai jati diri orang Melayu. Orang tua ada mengatakan "*adat Melayu merendah selalu*". Konsep "merendah" yang disampaikan dalam ungkapan ini termasuklah merendahkan hati. Sifat ini merupakan cerminan daripada kebesaran hati, ketulusan hati, tahu diri dan juga menghormati orang lain (Tenas Effendy 2004). Dengan sifat rendah hati ini, orang Melayu akan kelihatan sederhana dalam segala aspek. Sifat ini adalah bertentangan dengan sifat yang menunjukkan kekayaan. Lazimnya orang yang sengaja menunjukkan kekayaan, harta dan pangkat ini disebut sebagai orang yang sombong, tinggi hati dan sebagainya. Orang tua mengatakan, "*siapa suka berlagak sombong, dadanya hampa kepalanya kosong*", tetapi sebaliknya orang yang mempunyai sifat rendah hati akan disanjung, dipuji dan dihormati oleh masyarakatnya. Sikap orang Melayu yang mengutamakan sifat "rendah hati" ini turut dapat dilihat dalam ungkapan tunjuk ajar oleh Tenas Affendy melalui bukunya yang bertajuk *Tunjuk Ajar Melayu*.

Apa tanda Melayu jati, pantang baginya membesarkan diri.
Apa tanda Melayu bertuah, berkata dengan merendah rendah.
Apa tanda Melayu berilmu, membesarkan diri ianya malu.

(Tenas Affendy 2004)

Oleh itu, berdasarkan tafsiran akal budi menggunakan semantik inkuisitif, didapati peribahasa '*Baik membawa resmi padi, daripada membawa resmi lalang'* dan '*Bawa resmi padi, semakin berisi, semakin tunduk'* bukanlah sekadar merujuk kepada makna rendah diri semata-mata tetapi sebaliknya mempunyai unsur nasihat dalamnya iaitu menjauhi sifat 'takabur' dan 'tawaduk'. Peribahasa ini sebenarnya mengajar kita tentang kehidupan iaitu sebagai manusia, kita seharusnya menanamkan sifat merendah diri seperti *padi* yang 'menunduk', bukannya bersifat sombong dan 'meninggi' diri seperti yang ditunjukkan oleh *lalang*. Penciptaan peribahasa bukanlah bersifat abstrak semata-mata tetapi sebaliknya melalui pengamatan dan pengalaman orang Melayu pada zaman dahulu, sehinggakan wujudnya falsafah dan akal budinya yang tersendiri.

KESIMPULAN

Kepintaran dan kefahaman masyarakat Melayu meluahkan kata-kata melalui janaan idea bersumberkan apa yang ada dikeliling mereka dibuktikan dengan kewujudan beribu rangkaian peribahasa. Kekreatifan masyarakat Melayu dalam berbahasa menunjukkan bahawa akal budi Melayu yang sangat tinggi. Mereka juga cekap dalam memahami kandungan atau sifat sesuatu benda. Semangat ingin tahu serta dorongan untuk terus meneroka mencari jawapan kepada sesuatu ungkapan yang menjadi ciri-ciri inkuisitif membuatkan pendekatan Semantik Inkuisitif yang digunakan mampu menerobosi peribahasa Melayu hingga ke peringkat akal budi Melayu. Kesimpulannya, peribahasa yang dicipta oleh masyarakat Melayu dahulu bukanlah sekadar ungkapan kosong yang menarik, tetapi sebaliknya tersembunyi ilmu dan falsafah yang tinggi seandainya kita amatinya dengan teliti.

NOTA

1. Hadis ini dipetik daripada sebuah blog Fitrah Islami Online melalui laman sesawang https://fitrahislami.wordpress.com/2014/07/16/penyakit-riak/.
2. Semua terjemahan ayat-ayat al-Qur'an dalam tulisan ini berdasarkan Terjemahan Al-Quran Surah.My secara atas talian di laman sesawang http://www.surah.my/31.

RUJUKAN

Al-Quran, Al-Furqan 25:63.

Al-Quran, Al-Luqman 31:18.

Abdullah Hassan. 1993. Bahasa kiasan. *Jurnal Dewan Bahasa* 37(10): 907-913.

Abdullah Hussain.1989. *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. 1986. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Hj. Omar. 2005. Budaya dan bahasa kiasan. *Jurnal Peradaban Melayu*, Vol. April 2011 dalam penerbit.upsi.edu.my/website_ejurnal/jurnal%20site/./bab1.htm [15 April 2015].

Azam Rauzan. 2003. *'Perang Mulut' Bukan Cara Bijak Selesaikan Masalah.* Rencana.

Bahren Umar Siregar. 2010. *Emosi dan kebudayaan dalam bahasa kiasan*. 1 April 2011 dalam http://sastra.um.ac.id/wp-content/uploads/2010/01/104-Bahren-Umar-Siregar-LTBI-UAJ-Emosi-dan-Kebudayaan-dalam-Bahasa kiasan.pdf

Charteris-Black, J. 2003. A Contrastive Cognitive Perspective on Malay and English Figurative Language. Dlm. K. M. Jaszczolt & K. Turner (eds.). *Meaning Through Language Contrast.* Pragmatics and Beyond New Series 99. Amsterdam & Philaephia: John Benjamin.

Dahlia Janan & Sri Lanang Jaya. 2013. *Sang Budiman*. Batu Caves: PTS Akedemia.

Djamaris Edward. 1985. Memahami dan Menghargai Peribahasa. *Jurnal Dewan Bahasa* 29(5):338-344.

Fransiska Yanti, Kacung Hariyono & Irwan Sadiman. 2014. *Aplikasi Konsorsium Bakteri Terhadap Pertumbuhan dan Hasil pada Beberapa Varietas Padi* http://repository.unej.ac.id/bitstream/handle/123456789/69210/FRANSISKA%20YANTI.pdf?sequence=1 [29 April 2016].

Goddard, C. 2009. Like a Crab Teaching Its Young to Walk Straight. Dlm. Senft, G & Basso, E.B. (penyt.). *Ritual Communication*, hlm: 103-119. London**:** Bloomsbury Publishers.

Goodwin, Paul D. & Joseph W. Wenzel. 1981. *Proverbs and practical reasoning: A study in sociologic. In The wisdom of many: Essays on the proverb,* eds. Wolfgang Mieder and Alan Dundes: 140- 160. New York & London: Garland Publishing, Inc. First published in *Quarterly Journal of Speech* 65 (1979): 289-302.

Hassan Ahmad. 2003. *Metafora Melayu: Bagaimana pemikir Melayu mencipta makna dan membentuk epistemologinya*. Siri Monograf Akademi Kajian Ketemadunan. Bangi. Akademi Kajian Ketemadunan.

Kamus Dewan. 2005. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Pelajar. 2008. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Laurance, W.F. & Bierregaard, R.O. 1997. *Tropical Forest Remnants Ecology, Management and Conversation of Fragmented Communities*. Chicago: The University of Chicago Press.

Lim, Kim Hui. 2003. *Budi* as the Malay mind: a philosophical study of Malay ways of reasoning and emotion in *peribahasa.* Disertasi PhD. Department Of Austronesian Studies, Faculty Of Oriental Studies, University Of Hamburg, Germany. http://www.sabrizain.org/malaya/library/budi.pdf [2 Februari 2016].

Malayan Banking - DBP. *MENARA 3*. Sastera, 1990.

Mana Sikana. 1988. *Khazanah Islam: Falsafah dan Kesusasteraan*. Bangi: Karyawan

Mashhor Mansor & Mohd Kipli. 2014. *Merekayasa Kearifan Tempatan*: *Alam dan Manusia.* Pulau Pinang: Penerbit USM.

Mohamad Radzi Salleh. 1999. *Peribahasa dalam Masyarakat Melayu Satu Analisis Pemikiran dan Cerminan Falsafah*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.

Mohd. Shaffie Abu Bakar. 1991. *Metodologi Penyelidikan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Rizal Azman Rifin. 2011. Empat Penyakit Bakal Hapus Sifat Mukmin Umat Akhir Zaman. http://sanielirfan.blogspot.my [29 April 2016].

Nathesan, S. 1998. Simpulan bahasa: satu tinjauan dari sudut makna. *Dewan Bahasa* November: 985-994.

Nik Safiah Karim. 1992. *Beberapa persoalan sosiolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nor Hashimah Jalaludin. 2003. *Bahasa dalam perniagaan, satu analisis semantik dan pragmatik.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan pustaka.

Nor Hashimah & Junaini Kasdan. 2010. Remaja Malaysia dan Peribahasa Melayu. *Jurnal Linguistik* 10(Edisi Khas): 158-172.

Nor Hashimah Jalaluddin. 2014. *Semantik dan Akal Budi Melay*u. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rozali Rajab. 2012. *Konsep Budi dalam Budaya Melayu dan Kaitannya dengan Negara Bangsa*. http://cikgu-rozali.blogspot.com/2012 [29 April 2015].

Sapinah Haji Said. 2013. *Kamus Peribahasa Melayu*. Johor Bahru: Penerbitan Pelangi Sdn.Bhd.

Sperber, D. & Wilson, D. 1995. *Postface to the second edition of Relevance: Communication and Cognition*. Oxford: Blackwell.

Tenas Effendy. 2004. *Tunjuk Ajar Melayu*. Yogyakarta: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu.

Tenas Affendy. 2012. *Ungkapan Melayu: Pemahaman Dan Masalahnya*. Singapura: Kesatuan Guru**-**Guru Melayu Singapura.

Tenas Affendy. 2013. *Kearifan Pemikiran Orang Melayu*. Riau: Tenas Effendy Foundation.

www.malaycivilization.ukm.com

Zaharah Nawawi. 2013. Dil Froz Jan. *Sehelai Daun Yang Gugur. Sastera*, 2013.

Junaidi Kasdan
Felo Penyelidik
Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi
Selangor D.E.
E-mel: Junaini@ukm.edu.my

Julaina Nopiah
Assistant Professor
Kuliyyah of Languages & Management
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Kampus Pagoh
E-mel: julainanopiah@iium.edu.my